



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

TINJAUAN YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT KE PUSAT JAGAAN RUMAH SITI NOR AINI

SELANGOR, 10 April – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah berkesempatan turun padang ke Pusat Jagaan Rumah Siti Nor Aini bagi meninjau keadaan para penghuni serta kakitangan di pusat jagaan ini semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sehingga kini pusat jagaan ini telah menempatkan seramai 47 orang penghuni lelaki.

Semasa lawatan ini, YB Datuk Seri Rina telah menzahirkan keprihatinan terhadap komitmen kakitangan dalam menjalankan tugas untuk memberi jagaan dan perlindungan kepada penghuni disini. Beliau telah menyampaikan sumbangan yang berupa *face mask*, sarung tangan getah serta *hand sanitizer* dan juga keperluan peribadi seperti kain pelikat, tuala dan minyak rambut bagi kegunaan para penghuni. Beliau juga turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM11,280.00 kepada Dr. Abdullah Neil, selaku Pengerusi Pusat Jagaan Rumah Siti Nor Aini bagi membantu keperluan para penghuni serta operasi pusat jagaan ini. Sumbangan ini merupakan inisiatif geran rangsum yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan sebanyak RM 2,712,480.00.

YB Datuk Seri Rina turut berkongsi maklumat dan nasihat kepada kakitangan serta penghuni agar sentiasa menjaga kebersihan diri dan menjaga keselamatan diri dengan mematuhi semua etika yang telah ditetapkan dan mengucapkan terima kasih di atas usaha dan tenaga kerja setiap kakitangan bagi memastikan setiap penghuni di pusat jagaan ini berada dalam keadaan yang selamat dan sihat.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

PUTRAJAYA

Tel: 03-8323 1088

Email: info@kpwkm.gov.my